

**KERIS KEBESARAN DITEMUKAN PADA JENAZAH
BENDAHARA SERI MAHARAJA TUN MUTAHIR PAHANG (1847-1863)**

Oleh TunSuzana@ Suzana Hj Othman

Saya dapat maklumat ini daripada sumber media sosial SILAT, KERIS & SEJARAH pada tarikh 8hb Oktober 2022 baru-baru ini bersumber daripada Kapten Mohd Thair bin Dato' Yahya. Di sini saya kongsikan petikannya:

“3 bilah keris pusaka turun menurun yg berkait ceritanya dgn Raja Hamidah@Engku Putri bt Raja Haji Marhum Teluk Ketapang pemegang regalia yg tidak berzuriat, selaku suri ke3 kpd Sultan Mahmud ke 3..mengikut cerita orang tua2 dulu keris ini berada dgn jenazah Tun Mutahir/ Tun Koris ketika di sambut oleh moyang saya selaku Penghulu Sungai/ Pengawa Sungai Wilayah Timur Johor atau Resident Di Pulau Tanjung Surat, di kuala Sungai Johor dan pintu masuk ke Straits of Johor dari Riau atau Pahang. Dipersembahkan kpd Dato Temenggong Abu Bakar..., di kurnia 3 bilah keris pusaka dari Riau itu kpd moyang saya Wan Nong Yahya. Jadi sudah 5 keturunan keris yg berkait dgn Raja Hamidah iaitu keris permaisuri, keris panglima dan keris raja muda..kini berkumpul di rumah saya”

“Cerita orang dulu2 sejarah yg tidak bertulis betul atau tidak wallahualam tapi di muara Kuala Sungai Johor bertemu dengan Selat Johor dan, Pulau Tekong, Singapura dimana terletaknya Pulau Tanjung Surat, pintu masuk ke Johor lama dan Tanjung Putri dari Riau, Endau Kuala Sedili, Pahang Terengganu, kena melalui pelabuhan Tg Surat di mana duduk nya moyang2 saya yg berjawatan penguasa atau penggawa wilayah timur Johor..iaitu kuala sedili, penggerang, kota tinggi termasuklah mersing sebagai penggawa wilayah berkuasa keatas darat, sungai dan laut yg berkuasa adalah Wan Nong Yahya selaku Residen, penguasa dan pemungut cukai wakil mutlak Temenggong/ Maharaja/ Sultan Johor seawal 1860 ketika Temenggong Abe Bakar berumur muda lewat 20'an dan bergelar Maharaja pd tahun 1868..samada di sambut oleh moyang saya secara fizikal atau orang2nya, Nong Yahya bertanggungjawab mempersembahkan kpd Temenggong Abu Bakar tentang ketibaan jenazah Bendahara Pahang..tak tau lah protokolnya macam mana..”

Ringkasnya:

1. 3 bilah keris pusaka yang disebut sebagai Keris Permaisuri, Keris Panglima dan Keris Raja Muda ditemukan pada jenazah al Marhum Raja Bendahara Seri Maharaja Pahang Tun Mutahir Tun Ali dan putera baginda, Raja Muda Tun Koris (ditabal sebagai Raja Muda pada tahun 1861)
2. Jenazah Tun Mutahir yang mangkat pada 30 Mei 1863, dan Tun Koris mangkat hanya selang 4 hari kemudian, iaitu pada tanggal 3 Jun 1863, telah disambut oleh Penggawa wilayah timur Johor, Wan Nong Yahya atau orang-orangnya dan dibawa kepada Temenggong Abu Bakar, menantu kepada Tun Mutahir melalui perkahwinannya dalam tahun 1858 dengan puteri Tun Mutahir yang bernama Tun Chik (daripada perkahwinan ini lahir seorang puteri iaitu Tengku Besar Petrie). Temenggong Abu

Bakar juga terlibat membantu Tun Mutahir dalam peristiwa Perang Saudara di Pahang dalam tahun 1857-1863.

3. Temenggong Abu Bakar kemudian telah menyerahkan ketiga-tiga bilah keris tersebut kepada Penggawa, Wan Nong Yahya dan masih disimpan sehingga ke hari ini oleh zuriatnya Kapten Thair bin Dato Yahya.

Maklumat tambahan:

1. Apabila Sultan Mahmud Shah III Johor Lama (1761-1812), mangkat dalam tahun 1812 Masihi, permaisuri baginda Raja Hamidah telah menyimpan semua alat kebesaran kerana waktu itu berlaku gejolak politik Kesultanan Johor Lama yang melibatkan dua orang putera Sultan Mahmud, iaitu Tengku Husin dan Tengku Abdu Rahman, pihak Yam Tuan Muda di Riau dan kuasa Belanda. Maka regalia Kesultanan Johor Lama tidak dapat diserahkan kepada pewaris yang sah lalu disimpan oleh Raja Hamidah.
2. Bagaimanapun alat-alat kebesaran pada Raja Hamidah kemudian telah dirampas oleh kuasa Belanda sekitar tahun 1823 Masihi, dan ditabalkanlah Tengku Abdul Rahman sebagai pemerintah Kesultanan Johor Lama pada tahun yang sama. Pembesar tradisi Johor Lama waktu itu yang diketuai oleh Bendahara Siwa Raja Tun Ali ibni Tun Koris kemudian telah mengiktiraf Sultan Abdul Rahman (1823-32), pewaris baginda, Sultan Muhammad Shah (1832-1841) dan Sultan Mahmud Muzaffar Shah (1841-1857) sebagai pemerintahan Kesultanan Johor Lama. Namun Sultan Mahmud Muzaffar kemudian telah dimakzulkan oleh kuasa Belanda dalam tahun 1857 yang mengakhiri Kesultanan Johor Lama.
3. Apa signifikannya keris Permaisuri (Raja Hamidah) dan keris Raja Muda (Tun Koris) berada pada jenazah Tun Mutahir dan Tun Koris apabila jenazah tersebut di sambut oleh Tok Penggawa di Tanjung Surat?? Berkemungkinan kedua-dua bilah keris tersebut berkait rapat dengan kurniaan jajahan Pahang oleh Sultan Mahmud Shah III kepada keluarga Bendahara di zaman Bendahara Tun Abdul Majid (1770-1802) disebabkan berlakunya latarbelakang gejolak politik pembesar Melayu dan Bugis pada waktu itu. Di waktu itu, bermulalah era dinasti bendahara sebagai pemerintah Pahang (vassal state), sekaligus terus menjadi bendahara bagi Kesultanan Johor Lama sebagaimana tradisinya semenjak zaman Melaka (Kesultanan Johor Lama adalah pewaris Kesultanan Melaka)
4. Berkemungkinan daripada Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Majid inilah, keris tersebut menjadi sebahagian daripada regalia kerajaan bendahara di Pahang, diturunkan kepada pewaris berikutnya sehinggalah tiba di haribaan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir ibni Bendahara Siwa Raja Tun Ali yang memerintah dari tahun 1847-1863 Masihi. Dalam tahun 1857 bermula Perang Saudara di Pahang, dan Tun Mutahir menemui kekalahan dan mangkat dalam tahun 1863 Masihi. Dari latarbelakang perang saudara ini muncullah Kesultanan Pahang Moden.
5. Dan keris tersebut dijumpakan bersama jenazah al Marhum dan anaknda Tun Koris dalam tahun 1863...




3 bilah keris dalam simpanan zuriat Penggawa Johor Timur Wan Nong Yahya yang ke-4, iaitu Kapten Mohd Thair bin Dato Yahya. Keris-keris tersebut adalah Keris Permaisuri (Raja Hamidah), Keris Raja Muda (Tun Koris) dan Keris Panglima



Keris Raja Permaisuri @ Raja Hamidah, permaisuri kepada Sultan Mahmud Shah III



Bilah keris Raja Muda (Tun Koris)



Keris Panglima

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Kapten Mohd Thair bin Dato Yahya, (piut atau generasi ke-4 daripada Wan Nong Yahya) atas perkongsian yang cukup signifikan ini. Saya sebagai anak cucu Tun Mutahir sangat menghargai maklumat ini. Moga Allah swt merahmati serta meredhoi Kapten Thair sekeluarga, amiin ya Robbal 'alamiin.

Al Fatihah kepada Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, Raja Muda Tun Koris dan semua keluarga bendahara Pahang, Johor dan Melaka. Juga kepada semua leluhur Kapten Mohd Thair bin Dato Yahya..

Untuk maklumat lanjut berkaitan peristiwa Perang Saudara Pahang, dapatkan buku saya bertajuk "*Sejarah Pergelutan dan Pergolakan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863*", terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 2018.

